

30 NOV 1996

Umno-MT

IBRAHIM ALI DAN ZAINAL ABIDIN DILANTIK ANGGOTA MT UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Senator Datuk Ibrahim Ali dan anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Melor Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir telah dilantik menganggotai Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Surat perlantikan mereka yang ditandatangani oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dihantar kepada mereka hari ini, kata Setiausaha Kerja Umno Datuk Yaakob Mohamad.

Dengan ini semua 10 kerusi untuk anggota MT yang dilantik oleh presiden telah diisi. Pada persidangan akhbar selepas mesyuarat MT Khamis lepas, Dr Mahathir telah mengumumkan perlantikan lapan daripada mereka.

"Mereka (Ibrahim dan Zainal Abidin) diminta hadir pada mesyuarat MT akan datang yang dijadualkan pada 11 Jan dan mengangkat sumpah," kata Yaakob kepada Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Bagi Ibrahim, 45, yang juga bekas Anggota Parlimen kawasan Pasir Mas, ini merupakan perlantikan semula manakala Zainal Abidin, 53, dilantik untuk kali pertama.

Mereka yang diumumkan sebagai anggota MT yang dilantik sebelum ini ialah Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Mohamed Rahmat, Datuk Syed Hamid Albar, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samd, Datuk Seri Sanusi Junid, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Tan Sri Hussein Ahmad.

Ibrahim, ketika dihubungi berkata, beliau amat berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana sekali lagi memberi kepercayaan kepadanya.

Beliau juga merupakan anggota MT dilantik untuk penggal sebelum ini. Ibrahim bertanding pada pemilihan parti Oktober lepas dan menduduki tempat ke-26 pada pertandingan untuk 25 kerusi MT.

"Tugas utama saya sebagai anggota MT ialah untuk terus bercakap tanpa rasa takut atau memihak kepada sesiapa bagi menyuarakan kepentingan rakyat dan parti.

"Saya juga akan terus berusaha memperkuat lagi kedudukan Umno di Kelantan," katanya.

Ketika ditanya tentang perasaannya apabila namanya tidak termasuk dalam senarai yang diumumkan Presiden sebelum ini, Ibrahim berkata beliau menerimanya dengan tenang.

"Saya sedar banyak lagi di kalangan mereka yang bertanding dan tewas untuk pelbagai jawatan penting tidak termasuk dalam MT. Tentulah sukar bagi Perdana Menteri untuk membuat pilihan tetapi saya sentiasa mempunyai keyakinan," kata beliau.

Pada pemilihan Umno yang lepas juga, Zainal Abidin mendapat kedudukan ke-44 pada pertandingan untuk kerusi MT.

Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Islam dari 1991 hingga April 1995 sebelum bersara untuk bertanding dan menenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan bagi kawasan Melor pada pilihan raya umum lepas.

Beliau mengalahkan calon Parti Melayu Semangat 46 (S46), Khairuldden Mat Adam, dan calon Angkatan Keinsafan Islam Malaysia (AKIM), Tuan Mohamad Tuan Soh, dengan mendapat majoriti 331.

Beliau pernah memegang jawatan Pemangku Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. -- BERNAMA

ERE NMO